

# Raikan perpaduan dalam kepelbagaian



Konferensi para  
Uskup Katolik  
Malaysia (CBCM)

Setiap orang antaramu telah menerima pelbagai kurnia daripada Tuhan. Sebagai pengurus yang baik bagi kurnia Tuhan, gunakanlah kurnia itu untuk kebaikan semua. (1 Petrus 4:10, AVB).

Kepada penganut Katolik, Kristian dan semua orang yang berkehendak baik di Malaysia,

Salam sejahtera ke atas kamu. Selamat Hari Malaysia 2025. Pada September 16, 1963, entiti politik baharu yang dikenali sebagai Malaysia telah dibentuk, daripada gabungan empat negara berdaulat yang merdeka, iaitu Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura (yang keluar dari Malaysia pada tahun 1965).

Saya dilahirkan pada tahun 1963 di Sarawak, beberapa bulan sebelum kelahiran Malaysia. Semasa zaman sekolah, setiap kali Hari Kebangsaan Ogos 31 disambut, rakan sekelas kami akan berdebat tentang dua tahun yang berbeza.

Sebagai contoh, akhbar pada tahun 1982 telah mencetak Hari Kebangsaan ke-25 (sejak Merdeka 1957) manakala kami merayakan Ulang Tahun ke-19 Sarawak dalam Malaysia.

Perbezaan ini akhirnya diselesaikan pada tahun 2010 apabila Kerajaan Malaysia secara rasmi mengisytiharkan Hari Malaysia, memperingati September 16, 1963 sebagai tarikh pembentukan Malaysia.

**Merayakan Bersama sebagai Satu Bangsa Malaysia**

Hari Malaysia meraikan penyatuan entiti yang pelbagai dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung sebagai satu bangsa yang bersatu — dengan matlamat untuk memupuk identiti nasional yang inklusif sebagai rakyat Malaysia.

Ini meraikan dengan sewajarnya kepelbagaian dan perpaduan yang kaya raya bagi pelbagai kaum, agama, budaya, kepercayaan dan komuniti di Malaysia, di seluruh tanah air kita, termasuk bunyi dan budaya unik Borneo.

**Peranan Pemimpin Agama dalam Pembangunan Negara**

Pada Ogos 18, 2025 di Kuala Lumpur, Malaysia menjadi tuan



Surat Pastoral untuk Hari Malaysia



**MALAYSIA  
MADANI**  
*Rakyat Disantuni*

rumah Sidang Kemuncak Kedua Pemimpin Agama Dunia dengan tema "Peranan Pemimpin Agama dalam Penyelesaian Konflik".

Ini dianjurkan oleh Pejabat Perdana Menteri, bersama Liga Dunia Islam, dan disertai oleh 400 pemimpin agama dunia yang terkemuka dari semua agama.

Turut hadir ialah Kardinal George Koovakad dari Vatikan, Uskup Agung Wojciech Zaluski, Nunsio Apostolik ke Malaysia di Kuala Lumpur, bersama dengan perwakilan dari Persekutuan Kristian Malaysia dan Persatuan Gereja di Sarawak.

Uskup Agung/uskup, paderi, pastor dan pemimpin gereja turut hadir bagi mewakili komuniti Kristian sebagai sebahagian daripada Malaysia yang berbilang agama.

**Saling Hormat Menghormati dan Menerima**

Berasal daripada latar belakang yang berbeza, dengan penerimaan dan rasa hormat bersama, kami mengalu-alukan satu sama lain sebagai saudara atau saudari dalam satu keluarga manusia.

Marilah kita menjadi pembina jambatan, melibatkan diri

dalam dialog yang penuh hormat dan berusaha untuk kebajikan bersama semua orang.

Sempena sambutan Hari Malaysia, marilah kita melangkaui slogan dan kata-kata, menterjemahkan tema '**Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni**' kepada tindakan konkrit.

**Katakan 'TIDAK' kepada Semua Bentuk KEGANASAN**

Saya dengan rendah hati merayu kepada semua rakyat Malaysia agar tidak membenarkan prasangka, ketidakpercayaan dan keganasan memecahbelahkan kita.

Marilah kita berdiri bersama untuk mengutuk semua bentuk keganasan — buli di sekolah kita, penderaan kanak-kanak, gangguan di tempat kerja, keganasan rumah tangga dalam keluarga, buli siber, ekstremisme dan fundamentalisme dalam masyarakat.

Sebagai sebahagian daripada pembinaan negara, marilah kita bekerja tanpa jemu untuk pemahaman yang lebih baik dan mengukuhkan ikatan perpaduan di seluruh Sarawak, Sabah dan Semenanjung.

**Doakan Pemimpin dan Rakyat kita**

Marilah kita berdoa untuk Raja, pemimpin awam, politik dan agama kita (1 Timotius 2:2), semoga mereka dapat memimpin dengan kebijaksanaan, keadilan dan integriti, dipandu oleh prinsip-prinsip Rukun Negara.

Kita juga berdoa agar kebebasan dan hak asasi rakyat dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan kita.

**Raikan Perpaduan Kita dalam Kepelbagaian**

Pada Hari Malaysia ini, marilah kita komited untuk hidup dalam keharmonian sambil kita meraikan perpaduan kita dalam kepelbagaian dan berusaha untuk masa depan di mana semua orang dihormati, dilindungi dan dijaga.

Keharmonian bermula dengan membina persahabatan di kawasan kejiranan, bilik darjah dan pejabat.

Semoga Tuhan memberkati negara kita yang tercinta, Malaysia, dengan keamanan, kemajuan dan keharmonian.

**Selamat Hari Malaysia!**

*+ Simon Poh*

**Yang Mulia Rev Dato Dr Simon Poh**  
Uskup Agung Katolik Kuching  
Presiden,

Konferensi para Uskup Katolik Malaysia

Ogos 31, 2025



Saya mengajar kursus tentang mistik terkenal Yohanes dari Salib.

Oleh sebab ia bukan kursus wajib untuk mana-mana pelajar, saya biasanya memulakan kelas pertama dengan bertanya kepada setiap pelajar mengapa dia berminat dengan kursus ini.

Jawapan daripada pelajar biasanya berbeza-beza. Ada yang mengatakan, "Saya mengambil kursus ini kerana pengarah rohani saya menyuruh saya mengambilnya"; "Saya sentiasa ingin tahu tentang alam mistik"; "Saya mengambil jurusan apa sahaja yang diajar pada malam Selasa!"

Namun pada suatu malam seorang wanita memberikan jawapan ini: "Saya mengambil kursus ini kerana saya seorang pengamal mistik!" Jawapan itu menimbulkan tanda tanya. Biar betul? Pengamal mistik?

Bolehkah seseorang menjadi pengamal mistik? Ini sebenarnya bergantung pada bagaimana anda memahami pengalaman mistik. Jika anda menyamakan pengalaman mistik sebagai luar biasa, dengan fenomena ghaib (penglihatan keagamaan, ekstasi keagamaan, keadaan kesedaran yang diubah secara radikal atau kemunculan ajaib Yesus, Maria, malaikat atau orang kudus), maka anda tidak boleh menjadi pengamal mistik.

Walaupun fenomena luar biasa sedemikian sebenarnya boleh menjadi pengalaman mistik (dan sememangnya ia merupakan pengalaman sesetengah mistik klasik), pengalaman mistik biasa tidak dicirikan oleh sebarang fenomena keagamaan yang luar biasa.

Sesungguhnya, secara am, mistik ialah sesuatu yang tidak mempercayai apa-apa yang luar biasa dan menuntut apa sahaja peristiwa yang dianggap luar biasa untuk dinilai dan diteliti.

Pengalaman mistik biasa, bagi kebanyakan mereka yang mistisisme, tidak bergantung pada yang luar biasa. Sebaliknya, ia mengambil apa yang sebenarnya merupakan asas normal. Apakah maksudnya?

Seorang mistik kontemporari yang terkenal, biarawati Karmelit British, Ruth Burrows, mentakrifkan pengalaman mistik seperti ini: Pengalaman mistik ialah



disentuh oleh Tuhan yang melangkaui apa yang kita dapat ungkapkan, gambarkan bahkan yang kita rasakan secara sadar. Ia adalah sesuatu yang kita tahu, daripada yang kita fikirkan.

Pada dasarnya, Tuhan yang tidak dapat digambarkan menyentuh kita dengan cara yang tidak dapat digambarkan; Tuhan yang melampaui konsep, menyentuh kita dengan cara yang melangkaui konsep; Tuhan yang melampaui bahasa menyentuh kita dengan cara yang tidak akan pernah dapat diungkapkan dengan kata-kata; dan Tuhan yang merupakan sumber segala kewujudan, menyentuh kita pada sumber kewujudan kita sendiri, supaya kita tahu, secara intuitif, siapa kita dan bagaimana kita berdiri di hadapan Tuhan.

Ini mungkin kedengaran agak abstrak namun dengan penjelasan Ruth Burrows yang menggunakan pengalaman peribadinya, ia sebenarnya tidak sukar untuk difahami.

Dalam autobiografinya, "Di hadapan Tuhan Yang Hidup", Ruth Burrows (yang meninggal dunia pada tahun 2023) berkongsi kisah ketika dia telah menyelesaikan pendidikan di peringkat awal hingga me-

nengah, kemudian membuat rancangan menyambung pengajian ke universiti.

Pengalaman mistiknya mula berlaku dan mengubah hidupnya secara radikal. Pada masa itu, dia tidak begitu serius tentang imannya. Amalan agamanya lebih bersifat hafalan daripada menjiwainya.

Suatu ketika, beliau menyertai retret dengan beberapa wanita muda lain yang sebaya dengannya. Salah satu perkara yang diminta untuk dilakukan dalam retret itu ialah duduk di dalam kapel dalam keadaan senyap selama sejam, beberapa kali sehari.

Detik-detik hening itu membebarkannya dan dia hampir putus asa untuk meneruskannya. Namun, suatu hari, semasa duduk dalam hening, dia mengalami apa yang kemudiannya dipanggilnya sebagai pengalaman mistik.

Ruth tidak mengalami penglihatan ghaib, tiada khayalan keagamaan, tiada kemunculan malaikat tetapi hanya seketika dia diberi kejelasan yang luar biasa; di mana buat seketika dia mengenali dirinya buat kali pertama, melampaui apa yang boleh difikirkan, merentasi semua konsep dan ungkapan.

Itu adalah saat di mana dia terlepas daripada semua kepura-puraan, terlepas daripada semua ideologi, terlepas daripada semua imej diri yang palsu, terlepas daripada gaya hidup lama, emosi dan moralnya terdedah dan pada ketika itu, dia hanya tahu dirinya sendiri dan berdiri di hadapan Tuhan dan orang lain.

Momen mistiknya ialah dia berasa bagaikan patung tanpa cela di hadapan Tuhan, seperti kata asal *sincerity* dalam bahasa Latin yang bererti *tanpa (sine) dan cere (lin)*.

Seperti semua ahli mistik, dia bergelut untuk menceritakan pengalaman ini namun pengalaman itu sukar digambarkan dengan kata-kata, tetapi pengalaman itu tertanam kuat dalam jiwanya sehingga mengubah hidupnya secara radikal.

Berdasarkan definisi mistisisme itu, kita semua dijemput untuk menjadi pengamal mistik iaitu kita dijemput dalam keheningan hati kita, atau mungkin dalam pengalaman jiwa diangkat atau jiwa hancur, untuk berdiri atau berlutut di hadapan Tuhan dengan keikhlasan sepenuhnya, tanpa bermuka-muka, telanjang moral, tanpa berpura-pura, tanpa segala yang palsu, supaya pada saat itu kita dapat mengetahui dengan benar siapakah kita dan bagaimana kita berdiri di hadapan Tuhan, orang lain, dan diri kita yang sebenar.

Kita perlu berdoa untuk kejelasan itu dan menjadikan niat yang jelas dalam doa kita.

Bagaimana kita dapat melakukannya? Dengan berusaha berdoa, memusatkan diri dengan tulus dan mendedahkan semua jiwa kita, bermohon kepada Tuhan agar Dia membantu kita melihat segala yang palsu dalam diri kita dan agar kita dapat mengetahui bagaimana dapat dikenali oleh Tuhan.

Dag Hammarskjold, dalam doanya, sering meminta kepada Tuhan, "berikanlah aku kejernihan minda untuk melihat kehidupan dan mencipta kesucian hati dan dorongan tulus untuk selalu memeriksa hati agar dapat berada di jalan keagungan kehidupan." Untuk memohon kejelasan minda dan kesucian hati haruslah dipohon seperti seorang pengamal mistik. **Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

## Makna salib bagi kita

Pembacaan Injil hari ini yang bertepatan dengan Pesta Salib Suci, mengajak kita untuk semakin mampu membatinkan makna salib dalam kehidupan kita.

Pada saat Yesus disalibkan, terpancar kasih Tuhan yang begitu besar, yang telah merelakan dan memberikan putera-Nya kepada dunia demi keselamatan kita, manusia yang berdosa ini.

Pada saat Yesus disalibkan, dikatakan bahawa orang banyak melihat Yesus yang tergantung di kayu salib, banyak di antara mereka yang kemudian percaya kepada Yesus sebagai Tuhan dan Sang Juruselamat.

Di rumah-rumah orang Katolik, di biara-biara, di rumah-rumah retret, di Gereja-gereja, pasti selalu ada Salib yang dipasang indah di dinding.

Lantas, apa makna "palang kayu" itu bagi kita? Untuk apa palang kayu itu dipasang di pelbagai sudut atau tempat, atau apa makna salib yang selalu kita bawa dalam beg, digantung di leher dan disimpan dalam saku pakaian atau seluar kita?

Setiap September 14, Gereja Katolik sejagat merayakan Pesta Salib Suci. Dalam pesta ini, semoga kita dapat merenungkan dan menghayati makna salib Yesus.

Sebab bagi umat Katolik, tidak ada Paskah tanpa Jumaat Agung; tidak ada kemenangan kebangkitan tanpa salib, dan cerita kubur kosong itu bukan berita bohong.

### HARI MINGGU PESTA SALIB SUCI

BILANGAN 21:4-9

FILIPPI 2:6-11

INJIL YOHANES 3:13-17

Salib merupakan tanda bahawa Tuhan amat mengasihi manusia. Dia mahu berkorban demi kita sampai selesai. Kasih selalu berpuncak pada pengorbanan. "Tidak ada kasih yang lebih besar daripada kasih seseorang yang memberikan nyawanya untuk sahabat-sahabatnya" (Yoh 15:13).

Salib juga mengingatkan kita bahawa "janganlah tiap-tiap orang memperhatikan kepentingannya sendiri, melainkan kepentingan orang lain juga" (Fil 2:4).

Memperhatikan kepentingan orang lain adalah ciri khas salib, yang merupakan ciri agung pengorbanan Yesus demi umat-Nya.

Salib menjadi jalan pengenalan dan iman kepada Yesus, bagi semua manusia yang percaya kepada-Nya.

Bagi kita orang beriman, salib bukanlah akhir dari perjalanan hidup kita. Salib menjadi jalan bagi kita untuk dapat mengalami kasih hati Tuhan yang begitu besar, yang telah rela memikul salib, kelemahan dan kedosaan kita, agar kita yang percaya kepa-



da-Nya, oleh bilur-bilur-Nya kelukaan-Nya, kita beroleh jalan kepada keselamatan.

Kita pasti memiliki salib kehidupan yang kita pikul, sama ada kecil ataupun besar, sebagai akibat kerana kita memilih menjadi pengikut Yesus.

Kita tidak meminta salib, namun dalam kehidupan kita, kita dicabar untuk berani memikul salib yang datang dalam hidup kita, bukannya menyerah dan putus asa, meninggalkan iman kita.

Bila kita setia memikul salib kita, dalam dan bersama Tuhan Yesus, kita percaya bahawa kita akan boleh mengalami kebangkitan bersama Yesus dalam kehidupan kita.

Kristus yang telah menang dan men-

galahkan kelemahan dan dosa, Kristus juga yang akan memberikan kita kebahagiaan sejati kepada kita.

Marilah kita mohon rahmat iman, agar kita selalu boleh merasakan kasih Tuhan, kekuatan dan penyertaan-Nya dalam setiap peristiwa hidup kita, terutama pada saat kita harus memikul salib hidup kita, sehingga kita boleh didapati tetap setia, mengalami kemenangan di dalam Dia, yang menyelamatkan kita.

Semoga cinta Hati Kudus Yesus, terus bertumbuh dalam hidup kita, selalu meraja dalam hidup kita, menyertai kita, dan membuka jalan bagi kita, untuk dapat selalu setia mengimani-Nya dalam setiap kisah hidup kita. **Msgr F.X Hadisumarta O.Carm**

BETONG, Sarawak: Gereja *Holy Family*, Betong telah menganjurkan program rohani "Saat Teduh" yang merupakan sebahagian daripada siri pengayaan rohani demi memperkukuh hubungan peribadi umat dengan Tuhan melalui pendekatan liturgi dan kontemplatif.

Program ini turut menggabungkan Sesi Doa Taizé, sebuah bentuk doa meditatif yang berakar daripada tradisi komuniti ekumenikal Taizé di Perancis.

Tema program "Namun Engkau Kudus, yang bersemayam di atas puji-pujian Israel" (Mazmur 22:3) mengingatkan para peserta kehadiran Tuhan dalam pujian dan penyembahan umat, serta mengajak peserta untuk menyedari bahawa liturgi dan doa bukan sekadar ritual, tetapi pertemuan yang hidup antara insan dengan Penciptanya.

Sesi Saat Teduh dipimpin oleh paderi paroki Betong, Fr Henry Jimbey. Begitu banyak khasiat dalam Saat Teduh. Antaranya, hubun-

gan dengan Tuhan semakin akrab, penawar ketika dalam kesusahan atau beban anberat.

Pendekatan doa Taizé yang digunakan memperkukuh lagi dimensi kontemplatif program ini. Dalam suasana yang hening dan khusyuk di hadapan Sakramen Maha Kudus, umat diajak untuk meluangkan masa bersama Tuhan dalam doa, renungan dan meditasi.

Lagu-lagu rohani yang dinyanyikan secara perlahan, diselang-seli dengan bacaan Kitab Suci dan saat hening, menjadikan komunikasi umat dengan Tuhan lebih intim.

Selepas Saat Teduh, umat menyertai Misa yang dipimpin oleh Fr Henry.

Dalam homilinya, beliau menyentuh tentang kekudusan Tuhan dan kasih-Nya kepada umat manusia.

Ketekunan mengikuti Saat Teduh dapat menumbuhkan budaya doa berterusan yang menjadi nadi kehidupan spiritual umat Katolik. **Today's Catholic**



Saat Teduh, memberi kelegaan pada yang berbeban berat



# PMPA 2025: Berjalan Bersama Menuju Gereja Sinodal

KUALA LUMPUR: "Setiap langkah baharu dalam kehidupan Gereja akan kembali kepada sumber-Nya," kata Uskup Agung Julian Leow di Perhimpunan Pastoral Semenanjung Malaysia (PMPA) 2025, memetik Dokumen Akhir Sinode. Prelatus itu menggesa Gereja untuk menjalankan misinya dengan keaslian dan keberanian: "Kita mesti bersifat kenabian. Pembaharuan bermula dengan kita — jika tidak, kita akan menjadi seperti gong kosong." PMPA, bertemakan "Berjalan Bersama Menuju Gereja Sinodal dan Profetik — Umat untuk Pemuridan Misionari," telah menarik 100 orang klerus, religius, dan pemimpin awam dari Keuskupan Agung Kuala Lumpur, Keuskupan Pulau Pinang dan Melaka Johor dari Ogos 26-27 lalu.

Perhimpunan itu bukan sekadar salah satu acara dalam kalendar Gereja, ia mengingatkan para peserta tentang keindahan dan cabaran memperlakukan langkah, mendengar dengan mendalam, serta menegaskan bersama ke mana Tuhan memanggil kita — bukan hanya secara individu, tetapi sebagai satu tubuh Kristus.

Fasilitator Dr Christina Kheng, seorang ahli teologi dari Singapura dan perunding kepada Persidangan Yesuit Asia Pasifik, memimpin proses tersebut.

Dengan pengalaman luasnya dalam proses sinodal global, beliau menggambarkan sinodaliti sebagai "penilaian sendiri komunal dan rohani seluruh Gereja — langkah terbesar sejak Vatikan II."

Dr Christine menjejaki akar umbi 'sinodaliti' dari Gereja awal hingga visi Vatikan II tentang umat Tuhan, menekankan bahawa pembaptisan adalah asas identiti Kristian.

Katanya, setiap orang yang dibaptis, bertanggungjawab bersama untuk kehidupan dan misi Gereja, dipanggil untuk meletakkan bakat mereka untuk berkhidmat kepada Gereja dan masyarakat.

Sebagai sahutan kepada sesi Dr Christina dalam konteks Malaysia, Sr Margarete Sta Maria, Daryl Tan, Fr Fabian Dicom dan Uskup Agung Julian dijemput untuk memberikan ulasan, menyoroti realiti kehidupan dan cabaran pastoral yang dihadapi di peringkat tempatan.

Semasa Perbualan dalam Roh, peserta

berdoa, merenung, dan berkongsi mengenai empat aspek pastoral yang dipilih oleh Konferensi para Uskup Katolik Malaysia iaitu Keluarga, Gereja, Ekologi, dan Masyarakat.

Perbualan ini berdasarkan hasil Perhimpunan Keuskupan dan Perhimpunan Pastoral Wilayah (RPA) yang diadakan pada tahun 2024.

Pada setiap peringkat, pesan-pesan ini jelas bergema dengan kuat iaitu:

- berjalan bersama orang lain, tidak tergesa-gesa mendahului mereka,
- mendengar dengan teliti semua suara, terutamanya belia, wanita, pendatang, dan golongan terpinggir,
- melangkaui klerikalisme dan eksklusiviti ke arah tanggungjawab bersama dan inklusiviti.

Msgr Jude Miranda, pengerusi Pasukan Pastoral Semenanjung Malaysia, mengingatkan para peserta, "Gereja tidak boleh hanya mengulangi apa yang telah dilakukan sebelum ini. Kita dipanggil untuk hidup dengan cara baharu — sebagai Umat Tuhan yang satu, berjalan bersama."

Perhimpunan ini juga menegaskan bahawa misi Gereja bukan sekadar tugas, tetapi suatu hubungan yang berakar dalam semangat mendengar. Dari sinilah lahir penyembuhan, keadilan, pertobatan, dan rekonsiliasi.

Seperti yang ditegaskan Dr Christina, kita dipanggil bukan hanya ke luar, tetapi juga ke dalam — untuk membentuk umat yang hidup sebagai saksi Kristus.

Semua langkah ini menuju ke MPC 2026, yang bertema "satu Gereja" dan Uskup Agung Julian dalam amanatnya mengingatkan bahawa perjalanan Gereja adalah spiral — bergerak lebih tinggi dan mendalam, bukan hanya mengulang perkara lama.

## Harapan dalam Kristus tidak pernah mengecewakan

KOTA KINABALU: Sempena Tahun Jubli 2025 yang bertema, "Penziarah Pengharapan", Komisi Kateketikal Keuskupan Agung menyahut sahutan Gereja sejagat untuk mengadakan ziarah iman, sebagai satu keluarga besar kateketikal.

Rombongan ziarah yang terdiri daripada 41 orang daripada ahli komisi, para koordinator, pengerusi dan pembimbing kateketikal paroki

telah mengadakan perjalanan ziarah ke Gereja St Anthony Padua Tenom dan pusat ziarah Keluarga Kudus Nulu Sosopon Keningau.

Di Tenom, para rombongan ziarah mendengar kisah pelayanan misionari terkenal Sabah iaitu Msgr August Wachter yang juga merupakan Prefek Apostolik pertama Borneo Utara pada tahun 1927.

Sumbangan Msgr August Wachter dalam

penginjian, pendidikan dan rohani amat banyak serta menjadi inspirasi para penziarah untuk meneruskan karya-karya misionari seperti beliau.

Di Pusat Ziarah Keluarga Kudus Nulu Sosopon, para penziarah melalui Pintu Gembala Baik yang mengingatkan mereka tentang Yesus, Sang Gembala Baik yang sanggup menderita, wafat dan bangkit

semula daripada kematian kerana kasih-Nya yang begitu besar kepada umat manusia.

Kemudian, rombongan ziarah merayakan Misa Kudus bersama Fr David Gasikol.

Semasa menyampaikan homilinya, Fr David mengatakan, "dalam dunia yang dipenuhi dengan ketidakpastian, katekis menjadi tanda harapan melalui kesaksian dan pengajaran mereka.

Meskipun perjalanan ziarah itu singkat namun ia telah memberikan pengalaman iman dan inspirasi daripada pelayanan Yesus, yang mengasihi dengan kerendahan hati serta belas kasihan.

Ziarah ini juga telah memberi motivasi kepada setiap penziarah agar lebih komited dalam komitmen mereka terutama memberi harapan dan berjalan bersama dengan orang-orang yang memerlukan lebih-lebih lagi dalam kelas bimbingan agama.

Puji Tuhan, selepas ziarah itu, ada beberapa peserta ziarah yang mengalami mukjizat dan doa mereka dikabulkan.



# Sahabat kecil Yesus

Mari Mewarna

Hello anak-anak,


Beberapa hari ini kita akan menyambut dua hari yang besar iaitu Pesta Salib Suci pada September 14 dan Hari Malaysia pada September 16.

Pesta Salib Suci mengingatkan kita akan kasih Yesus yang begitu besar sehingga sanggup sengsara dan wafat di kayu salib demi menebus dosa-dosa kita.

Hari Malaysia pula mengajak kita untuk terus menjadi rakyat yang baik, menjaga keharmonian antara sesama dan alam sekitar agar negara kita terus maju dan sejahtera!

Cuti sekolah juga telah bermula, semoga adik-adik memanfaatkan hari cuti ini untuk membantu ibu bapa dan mengulang kaji pelajaran.


Salam Sayang  
Antie Melly



**SELAMAT  
MENYAMBUT HARI  
MALAYSIA**



Cari **SEMBILAN** perbezaan pada gambar di bawah



Yohanes 3: 16-17



Isikan tempat kosong dengan memilih jawapan yang betul.



Kerana begitu  kasih Tuhan akan  ini, sehingga Dia telah  Anak-Nya yang , supaya setiap orang yang  kepada-Nya tidak , melainkan beroleh hidup yang . Sebab Tuhan  Anak-Nya ke dalam dunia bukan untuk  dunia, melainkan untuk .



menyelamatkan kekal percaya binasa mengutus menghakimi tunggal besar dunia mengaruniakan

# BELIA



## PELAJAR PELBAGAI AGAMA PROMOSI DOKUMEN PERSAUDARAAN MANUSIA

JAKARTA: Program Kesejahteraan Persaudaraan Manusia edisi kedua yang dianjurkan oleh Anugerah Zayed untuk Persaudaraan Manusia dan Pusat Berkley untuk Agama, Keamanan dan Hal Ehwal Dunia Universiti Georgetown, telah membawa 10 orang belia ke Jakarta, Indonesia.

Program itu diisi dengan beberapa sesi maya sepanjang musim panas sebelum ke Jakarta untuk lawatan interaktif selama seminggu.

Seramai sepuluh pemimpin pelajar pelbagai iman dari universiti-universiti utama di seluruh dunia mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk meneruskan legasi Dokumen Persaudaraan Manusia yang ditandatangani oleh Sri Paus Fransiskus dan Imam Besar Al-Tayeb dari Al-Azhar di Abu Dhabi pada tahun 2019.

### Pelaburan untuk masa depan

Semasa lawatan di Jakarta, para pelajar mengambil bahagian dalam bengkel dialog lanjutan dan latihan praktikal untuk memperhalusi kemahiran mereka dalam memupuk dialog antara agama dan antara budaya.

Kumpulan itu bertemu dengan ahli kemanusiaan, diplomat dan tokoh masyarakat seperti Kardinal Ignatius Suharyo, Uskup Agung Jakarta, dan Muhammad Jusuf Kalla, bekas naib presiden Republik Indonesia dan bekas ahli jawa-

tankuasa hakim Anugerah Zayed untuk Persaudaraan Manusia.

Semasa lawatan, 10 pemimpin pelajar turut membuat lawatan ke tapak-tapak lapangan yang melambangkan persaudaraan manusia, termasuk hospital yang dikendalikan oleh Muhammadiyah dan kuil Cina Dharma Bakti.

Dua acara awam mengakhiri program: satu di tapak *Georgetown University School of Foreign Service Asia-Pasifik* di Jakarta untuk memberi tumpuan kepada legasi mendiang Sri Paus Fransiskus dan Dokumen Persaudaraan Manusia, dan yang kedua ialah makan malam gala dengan kerjasama Kedutaan UAE di Jakarta.

### Memperkasakan generasi baharu

Ketika program itu berakhir, Setiausaha Agung Anugerah Zayed untuk Persaudaraan Manusia, Hakim Mohamed Abdelsalam, menyifatkan pengalaman itu telah mencapai matlamatnya dalam menyediakan generasi pemimpin muda baharu yang mampu menangani masalah dunia dan mempromosikan perpaduan.

"Kami bangga memperkasakan golongan muda ini untuk menjadi pemimpin inisiatif dialog, pembina jambatan antara budaya dan agama, serta teladan dalam memajukan nilai persaudaraan manusia di seluruh dunia," katanya.

Naib Presiden Penglibatan Global dan Pengarah Pusat Berkley untuk

Agama, Keamanan dan Hal Ehwal Dunia, Dr Thomas Banchoff, turut menyatakan komitmen yang dikongsi oleh Universiti dan persekutuan: "untuk menyediakan generasi pemimpin seterusnya untuk terlibat merentasi perbezaan budaya dan agama."

Shahaan Shafi, seorang felo dari Universiti Georgetown, berkata selepas lawatan di Jakarta, beliau berasa program berbentuk dialog antara agama perlu diperkasakan lagi demi memajukan persaudaraan manusia seperti yang dipromosikan melalui Dokumen Persaudaraan Manusia.

Seorang lagi peserta, Aarushi Prasad dari NYU, menjelaskan program itu telah memberi mereka keistimewaan untuk bertemu "beberapa tetamu berpangkat tinggi kerajaan Indonesia dan landskap rohani dan keagamaan untuk memahami keharmonian antara agama yang ketara di Indonesia."

Amna Al Baskati, seorang felo dari Akademi Diplomatik Anwar Gargash, menekankan betapa bangganya dia kerana dapat mengambil bahagian dalam program tersebut. "Saya amat percaya bahawa generasi kita amat bertanggungjawab untuk mengekalkan legasi harmoni ini dan menyumbang kepada pembinaan masa depan yang lebih baik untuk generasi akan datang," katanya. **Media Vatikan**



## Konferensi untuk belia bekerja di Limbang

LIMBANG, Miri: Lebih seratus kaum muda Katolik dari seluruh Keuskupan Miri berkumpul di Limbang untuk Persidangan Belia Bekerja untuk memperkayakan rohani, sebuah acara tiga hari yang dianjurkan oleh FIAT (*Faith in Action Together*), sebuah gerakan belia paroki St Edmund.

Perhimpunan itu mengumpulkan orang dewasa muda yang sedang meniti kerjaya awal dan kehidupan dewasa mereka di samping memantapkan iman serta belajar bagaimana untuk menghayati identiti Katolik mereka dalam dunia kerjaya mereka.

Program itu menampilkan dua orang penceramah utama iaitu Fr Sylvester Ngau dan Jude Antoine.

Kedua-dua penceramah menyampaikan sesi yang bertenaga dan mengubah pandangan belia muda yang negatif menjadi lebih positif.

Sesi-sesi yang disampaikan mengajak para peserta merenungkan landskap budaya, rohani dan sosial semasa yang dihadapi oleh belia bekerja, dan bagaimana seseorang boleh kekal berakar dalam Kristus di tengah-tengah tekanan.

Fr Sylvester Ngau dalam ucapan pembukaannya, menggesa orang dewasa muda untuk "bukan sahaja bertahan, tetapi menjadi saksi" di tempat kerja dan komuniti mereka.

"Pekerjaan anda, hubungan anda, keputusan anda — tidak terpisah daripada iman anda. Kehadiran anda ialah saksi iman di mana anda bekerja atau berada," ujar Fr Sylvester.

Dalam sesinya, Jude Antoine mencabar golongan muda untuk merangka semula pemahaman mereka tentang kerjaya. "Anda tidak menunggu untuk dipanggil—anda sudah dipanggil iaitu menghadirkan Tuhan di tempat anda bekerja sekarang. Tuhan tidak meminta kesempurnaan, tetapi kesediaan anda untuk membiarkan Dia hadir dalam kehidupan biasa anda."

Bengkel, perkongsian kumpulan kecil, sesi pujian dan penyembahan, serta aktiviti pembinaan komuniti di rumah panjang mengisi program yang tidak ada ruang untuk berasa bosan.

Perhimpunan itu juga mewujudkan ruang bagi peserta untuk membentuk hubungan, berkongsi perjuangan dan saling menyokong dalam perjalanan iman mereka.

Seorang peserta, Stephanie, 32, dari Limbang, berkongsi: "Ini adalah peluang yang sangat baik untuk bertemu dan berhubung dengan belia yang bekerja dari seluruh Keuskupan Miri. Perhimpunan itu membimbing para belia bekerja untuk mengimbangi iman dan kerja mereka serta mendorong peserta bagaimana mempraktikkan iman Katolik tanpa menyinggung mana-mana pihak."

## Berita singkat antarabangsa

### Sri Paus Leo XIV ucap takziah kepada mangsa gempa bumi Afghanistan

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV menyampaikan ucapan takziah atas lebih 800 orang yang terkorban akibat gempa bumi yang melanda timur Afghanistan pada malam Ogos 31, dengan magnitud 6 pada skala Richter, yang turut menyebabkan kemusnahan besar.

Menurut pihak berkuasa tempatan, lebih 800 orang maut dan 1,500 cedera, terutamanya di daerah Nurgal, Sawkay, Watapur, Dara Pech, dan Chapi Dara.

"Sangat sedih dengan kehilangan nyawa yang besar

akibat gempa bumi di timur Afghanistan," kata Sri Paus Leo XIV yang menawarkan doa ikhlas untuk roh-roh yang meninggal dunia, yang cedera, dan yang masih hilang, ujar telegram yang dihantar bagi pihak Bapa Suci.

Telegram itu, yang ditandatangani oleh Setiausaha Negara Vatikan Kardinal Pietro Parolin, menyatakan bahawa Bapa Suci mempercayai "semua yang terjejas oleh bencana ini kepada ketentuan Yang Maha Esa." Media Vatikan

### Pertemuan Bapa Suci dengan Hakim Islam dari Mesir

ROMA: Pada hari Ogos 26, Bapa Suci Leo XIV bertemu dengan seorang Hakim dari Mesir, Mohamed Abdelsalam di Istana Apostolik Vatikan untuk sesi pertemuan sulit.

Selepas sesi pertemuan itu, Abdelsalam berkata pertemuan itu menonjolkan kepentingan dialog antara agama sebagai cara untuk mempromosikan keamanan dan persaudaraan manusia.

Beliau menyifatkan pertemuan itu sebagai peluang untuk memupuk usaha pemimpin agama

dalam menyeru agar konflik dihentikan dan dalam memupuk keamanan.

Abdelsalam mengesahkan semula komitmen Majlis Ulama Muslim, di mana beliau berkhidmat sebagai Setiausaha Agung, untuk mengukuhkan suara pemimpin dan institusi agama dalam usaha mencapai keamanan.

Majlis Ulama Muslim dipimpin oleh Sheikh Ahmed Al-Tayeb, Imam Besar Al-Azhar. Media Vatikan

### Buku pandangan pakar agama, pakar budaya Asia tangani krisis alam, telah terbit

BANGKOK: Pusat Penyelidikan Asia untuk Agama dan Komunikasi Sosial (ARC) telah mengumumkan buku baharu yang menekankan tindak balas rohani dan budaya Asia terhadap krisis alam sekitar, ketika Gereja Katolik dan Ortodoks meraikan Hari Doa untuk Penciptaan pada September 1.

Buku "Agama, Budaya, dan Kemakmuran Ekologi dalam Konteks Asia", menghimpun para sarjana, ahli teologi dan pengkaji budaya dari seluruh Asia untuk mengkaji bagaimana tradisi agama dan pelbagai amalan budaya membentuk kesedaran ekologi dan tindak balas terhadap krisis hari ini.

Ia mengambil pandangan daripada agama Buddha, Kristian, Islam, Konfusianisme, Shinto dan kerohanian Orang Asli, mengang-

kat kebimbangan ekologi dalam rangka kerja moral, budaya, dan rohani.

Editor buku tersebut, Fr Anthony Le Duc, SVD, berkata bahawa bab-bab dalam buku tersebut merangkumi tema-tema yang terdiri daripada pengetahuan ekologi tradisional dan dialog antara agama kepada jantina dan pengurusan alam sekitar, komunikasi antara budaya, serta peranan ritual, naratif, dan kebajikan dalam memupuk tanggungjawab.

Fr Le Duc, yang berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif ARC di Universiti St John di Bangkok, berkata buku itu "menawarkan kebijaksanaan kepada komuniti global yang mencari jalan menuju masa depan yang mampan dan memberi kehidupan." LICAS News

### Filem animasi menceritakan kisah Yesus dari pandangan Sto Yohanes

ROMA: Sebuah filem animasi 2D baharu, diceritakan melalui sudut pandangan Yohanes, murid kesayangan Yesus, ditayangkan di pawagam pada September 5.

Filem itu membawa penonton permulaan pelayanan Yesus hingga penderitaan, kematian, dan kebangkitan-Nya.

"Cahaya Dunia" ialah filem pertama daripada Projek Puisi Penyelamatan, sebuah pusat bukan untung dan studio bebas yang menghasilkan cerita untuk berkongsi Yesus Kristus dengan dunia.

Brennan McPherson, penerbit filem itu, memberitahu CNA dalam satu temu bual bahawa pasukannya memilih untuk menceritakan kisah dari perspektif Yohanes kerana dia berkemungkinan murid yang paling muda, jadi mereka percaya perspektifnya adalah yang paling mudah dikaitkan.

Penerbit itu yakin filem itu dapat membantu golongan remaja khususnya untuk mengubah kehidupan yang lebih baik dan berusaha menjadi berkat bagi orang lain. CNA

# Damai bermula dengan perkataan dan tindakan kita

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV merayakan Misa untuk pembukaan perhimpunan umum Kongregasi Sto Augustine pada September 1, memohon Roh Kudus untuk membimbing para religius itu.

Hampir 100 orang paderi Sto Augustine dari seluruh dunia, yang mengambil bahagian dalam perhimpunan tahun ini. Mereka juga berpeluang menghadiri Misa bersama Sri Paus Leo yang diadakan di dalam Basilika Sto Augustine di pusat bandar Roma.

Para religius wanita di bawah naungan kongregasi Sto Augustine juga menghadiri Misa tersebut.

Walaupun para suster tidak mengambil bahagian dalam perhimpunan itu namun Bapa Suci menjemput mereka untuk berdoa bagi "kurnia Roh Kudus" dan "kurnia mendengar" sempena perhimpunan keagamaan tersebut.

Semasa homili pada September 1, Sri Paus Leo — yang memakai jubah merah untuk Misa votif yang didedikasikan kepada Roh Kudus — menjemput rakan-rakan Sto Augustinenya memberi tumpuan kepada tindakan "mendengar, kerendahan hati, dan perpaduan" serta memberi sahutan kepada rahmat Tuhan semasa tempoh doa dalam perhimpunan itu.

"Roh Kudus berbicara, hari ini seperti dahulu. Dia melakukannya dalam *penetrabilia cordis* dan melalui saudara-saudara serta keadaan hidup."

"Inilah sebabnya mengapa penting bagi suasana perhimpunan, selaras dengan tradisi Gereja yang



telah berusia berabad-abad, untuk menjadi suasana mendengar: mendengar Tuhan dan orang lain," sambungnya.

Merenungkan ajaran Sto Augustine, Bapa Suci berkata doktor Gereja itu menekankan keperluan perpaduan dan kerjasama di kalangan umat Kristian yang setia demi "kebaikan bersama."

"Setiap orang beriman bercakap dalam semua bahasa; dan kini kerana perpaduan, umat beriman bercakap dalam semua bahasa," katanya, memetik kata-kata Sto Augustine.

"Hiduplah pada hari-hari ini, dalam usaha yang tulus untuk berkomunikasi dan memahami, dan lakukanlah ini sebagai sahutan murah hati terhadap kurniaan cahaya dan rahmat yang besar dan unik yang Bapa di syurga berikan kepada kamu dengan memanggil kamu ke sini, khususnya kamu, untuk kebaikan semua," tambahnya.

Sambil menggalakkan rakan-rakan Sto Augustinenya untuk "berkongsi secara terbuka apa

yang mereka ada", prelatus itu menekankan kepentingan berbuat demikian dengan kerendahan hati.

"Jangan ada sesiapa yang berfikir bahawa mereka mempunyai semua jawapan," kata Sri Paus Leo.

"Hanya dengan cara ini Roh akan dapat mengajar dan mengingatkan kita tentang apa yang Yesus katakan," tambahnya.

Dalam renungannya tentang "keajaiban Pentakosta," Sri Paus Leo berkata bahawa Sto Augustine menjelaskan bahawa Roh Kudus adalah "protagonis" yang mewujudkan perpaduan di tengah-tengah kepelbagaian atau kemajmukan.

"Sama seperti orang kudus yang bergembira dalam perpaduan, begitu juga kita di dunia yang sentiasa bersedia untuk berjuang," kata Bapa Suci, memetik tulisan Sto Augustine.

"Anda boleh yakin bahawa anda mempunyai Roh Kudus apabila anda bersetuju melakukan amal yang tulus dan mengikat minda anda dengan kukuh dengan perpaduan," ujar Sri Paus Leo. CNA

## Uskup Indonesia kesal nyawa melayang akibat protes

INDONESIA: Uskup Agung Makassar, Msgr Franciskus Nipa merayu untuk keamanan dan kaedah tanpa keganasan ketika protes di seluruh Indonesia menyebabkan maut, menyebabkan sekurang-kurangnya enam orang terbunuh.

Protes besar-besaran itu tercetus kerana kemarahan terhadap rasuah, kos sara hidup yang semakin meningkat, dan penderaan polis. Kini keadaan di jalan-jalan Makassar telah kembali normal dan tenang, tetapi protes itu telah mengganggu penduduk, terutamanya pelajar.

"Kumpulan ganas pula mengambil kesempatan untuk mencipta

huru-hara," kata Uskup Agung Nipa kepada Agensi Berita Fides.

Prelatus itu melaporkan bahawa protes di Makassar, di pulau Sulawesi, telah mengorbankan tiga nyawa dan beberapa yang lain cedera, mencetuskan ketakutan di seluruh bandar.

Penunjuk perasaan juga membakar bangunan parlimen wilayah, satu tindakan yang dilihat sebagai serius dan simbolik dalam cabaran mereka terhadap kerajaan.

Uskup agung itu menekankan bahawa rusuhan itu berpunca daripada "ketidakpuasan hati umum terhadap kerajaan," sambil menyatakan bahawa "kenaikan

gaji untuk ahli parlimen telah menyebabkan kekecohan dan kemarahan," manakala rasuah dan cukai baharu "telah menimbulkan kekecewaan dan rasa tidak adil, serta menyebabkan kesukaran bagi banyak kumpulan pekerja."

Prelatus itu menambah bahawa "bantahan untuk keadilan dan tadbir urus yang baik" telah melibatkan "sebahagian besar" penduduk, terutamanya pelajar dan golongan muda.

Demonstrasi telah merebak dari Jakarta ke Yogyakarta, Bandung, Semarang, Surabaya, dan Medan, menandakan rusuhan terburuk sejak Presiden Prabowo Subianto memegang jawatan.

Konferensi para Uskup Katolik Indonesia (KWI) pada hari Ahad menggesa pihak berkuasa dan rakyat untuk mengejar keamanan, keadilan, dan nilai-nilai demokrasi, sertakan tadbir urus yang baik yang benar-benar berkhidmat untuk kebaikan bersama.

Para Uskup menggesa pemimpin kerajaan Indonesia untuk merangkumi prinsip Pancasila, ideologi nasional Indonesia. LICAS News



# Jangan elak daripada mengasihi

VATIKAN: Meneruskan siri katekesisnya untuk Tahun Jubli Harapan, Sri Paus Leo XIV memberi tumpuan kepada kesengsaraan Yesus, khususnya menyoroti saat penangkapan-Nya di Taman Getsemani semasa Audiens Umum hari Rabu.

Sto Yohanes Penginjil tidak menggambarkan Yesus sebagai penakut atau sebagai seseorang yang melarikan diri dari tempat kejadian.

Sebaliknya, Yesus digambarkan sebagai "lelaki bebas, yang tampil ke hadapan dan bercakap, secara terbuka menghadapi saat di mana cahaya cinta terbesar dapat diungkapkan."

## Bukan mangsa tetapi pemberi

Yesus tidak sedar apa yang akan ditanggung-Nya selepas penangkapan. Namun, Dia tetap kuat dan tidak berundur, malah menyerahkan diri kepada pengawal.

Tindakan-Nya ini bukan tanda lemah sebaliknya menyerlahkan cinta yang sempurna, matang, dan tidak takut penolakan.

Yesus bukan mangsa penangkapan kerana Dia membiarkan diri-Nya ditangkap. Dia ialah "pemberi hadiah" kerana Dia "mewujudkan harapan keselamatan bagi kemanusiaan kita: untuk mengetahui bahawa, walaupun dalam saat yang paling gelap, seseorang boleh kekal bebas untuk

mencintai hingga akhir.

## Tindakan cinta sejati

Sri Paus menekankan satu petikan dalam Injil yang misteri — saat Yesus berkata, "Akulah dia", dan para askar jatuh ke tanah.

Peristiwa itu ialah saat yang mengingatkan wahyu nama Tuhan, "Akulah dia" (*I am Him*).

Kejadian di taman itu menunjukkan Yesus hadir tepat pada saat orang mengalami ketidakadilan, ketakutan, dan kesunyian.

Bapa Suci Leo menjelaskan bahawa pada saat-saat seperti itu "cahaya sejati bersedia untuk bersinar tanpa rasa takut untuk ditakluki oleh kegelapan yang semakin hampir."

Dalam kegelapan malam, ketika segala-galanya seolah-olah runtuh, Yesus menunjukkan bahawa harapan Kristian bukanlah pengelakan tetapi keputusan.

Sri Paus menekankan bahawa sikap ini datang daripada doa yang mendalam dalam kehidupan di mana "Tuhan tidak diminta untuk melepaskan kita daripada penderitaan, tetapi sebaliknya untuk memberi kita kekuatan untuk bertahan dalam kasih sayang".

Tambahnya lagi, "semasa penangkapan-



nya, Yesus tidak bimbang tentang diri-Nya. Sebaliknya, Dia memberi tumpuan untuk menyelamatkan para murid. Ini mendedahkan bahawa pengorbanan-Nya benar-benar satu tindakan kasih sayang—Dia diambil agar rakan-rakan-Nya boleh bebas!"

Yesus telah bersedia untuk "detik-detik yang dramatik dan luhur" ini sepanjang hayat-Nya dan atas sebab inilah Dia bertindak balas dengan berani.

Dia memahami bahawa mengorbankan nyawa seseorang kerana kasih, tidak bermakna gagal, sebaliknya berasa puas.

Inilah yang dimaksudkan dengan harapan sejati: bukan dengan cuba mengelakkan kesakitan, tetapi dengan percaya bahawa walaupun di tengah-tengah penderitaan yang paling tidak adil, benih kehidupan baharu tetap bertumbuh. **Media Vatikan**

## Jus rohani untuk jiwa

Kita semua memerlukan sedikit bantuan tambahan untuk memulakan hari kita. Saya percaya, ramai yang mengatakan waktu pagi adalah bahagian paling sukar.

Satu tabiat penting yang membawa harapan kepada setiap hari ialah amalan berdoa pagi atau persembahan pagi.

Persembahan pagi ialah hari yang dimulakan dengan memohon bimbingan daripada Tuhan dan meletakkan segala-galanya — **fikiran, perkataan, dan perbuatan** anda — di tangan Tuhan.

Ramai orang kudus mempunyai amalan ini. Jaringan Doa Seluruh Dunia Sri Paus (dahulunya dikenali sebagai Kerasulan Doa), telah menjadi penyokong kuat amalan persembahan pagi ini sejak abad lalu. Persembahan pagi termasuklah menyerahkan hari kita kepada Hati Kudus dan mendoakan intensi bulanan Sri Paus.

Jadi, jika anda bergelut untuk memulakan hari dengan langkah yang betul, bacalah doa-doa ini. Sila cetak dan lekatkannya pada cermin bilik mandi atau dinding, agar anda tidak lupa untuk menyerahkan hari anda kepada Tuhan. Kerana bagi Tuhan, segala sesuatu adalah mungkin.



## Lima doa untuk permulaan hari yang lebih baik

### Doa penyerahan diri Sto Ignatius Loyola

Ya Tuhan, Pencipta dan Penebusku, Aku menyerahkan kepadamu seluruh diriku, segala jiwa dan ragaku, segala fikiranku dan kemahuku, segala harapanku dan kerinduanku. Segala yang aku miliki dan yang aku miliki, aku serahkan semuanya kepadamu, ya Tuhan.

Letakkan aku di bawah naungan kudus-Mu yang suci.

Gunakan aku sesuai dengan kehendak-Mu yang kudus.

Ajari aku untuk melakukan apa yang paling berkenan kepada-Mu.

Hanya kehendak-Mu yang aku inginkan, bukan kehendakku. Amin.

### Persembahan Pagi Jaringan Intensi Sri Paus di seluruh dunia

Ya Yesus, melalui Hati Maria yang Tak Bernoda, aku mempersembahkan doa-doa, kerja-kerja, kegembiraan dan penderitaanku pada hari ini dalam perpaduan dengan Korban Suci Misa di seluruh dunia.

Aku menawarkan mereka untuk semua intensi Hati Kudus-Mu: keselamatan jiwa, pemulihan dosa, dan penyatuan semula semua orang Kristian.

Aku menawarkannya untuk intensi para uskup kita dan semua Rasul Doa, dan khususnya untuk mereka yang disyorkan oleh Bapa Suci kita bulan ini.

### Persembahan Pagi singkat:

Yesusku yang dikasihi, daripada kasih yang bersyukur yang aku miliki terhadap-Mu, dan untuk menebus ketidaksetiaan aku

terhadap rahmat, aku memberikan hatiku kepada-Mu, dan aku mengabdikan diriku sepenuhnya kepada-Mu; dan dengan bantuan-Mu aku berazam untuk tidak berdosa lagi.

Ya Tuhan, aku tidak akan pernah dapat bersaing dengan-Mu dalam kemurahan hati, tetapi aku mengasihi-Mu; sudilah menerima hati ku yang miskin ini, dan walaupun ia tidak bernilai, namun ia mungkin menjadi sesuatu dengan rahmat-Mu.

Oleh kerana ia mencintai-Mu, jadikanlah ia baik dan masukkanlah ia ke dalam jagaan-Mu.

### Persembahan Pagi

Ya Tuhanku, dalam kesatuan dengan Hati Maria yang Tak Bernoda, aku mempersembahkan kepada-Mu Darah Yesus yang Berharga dari semua altar di seluruh dunia, menggabungkan bersama-Nya persembahan setiap pemikiran, perkataan dan perbuatanku pada hari ini.

Ya Yesusku, hari ini aku ingin memperoleh setiap indulgensi dan pahala yang aku mampu dan aku menawarkannya,

bersama-sama dengan diriku, kepada Maria yang Dikandung Tanpa Dosa, supaya dia dapat menggunakannya dengan sebaik-baiknya demi kepentingan Hati-Mu yang Maha Suci.

Darah Mulia Yesus, selamatkanlah kami!

Hati Maria yang Tak Bernoda, doakanlah kami!  
Hati Kudus Yesus, kasihkanlah kami!

Aleteia

## PENULIS BERKICAU

## Saat berterima kasih untuk ciptaan

Pada mulanya, topik untuk ruangan ini bukanlah mengenai alam sekitar. Namun, beberapa hari lalu ketika menempuh sebuah perjalanan yang jauh, dari rumah saya ke sebuah daerah, saya melihat beberapa bentuk pencemaran dan ketidakpedulian rakyat terhadap alam.

Saya bersyukur kerana dilahirkan di sebuah negeri yang indah dan cantik. Kecantikan pulau, lautan dan gunung ganang di sini terkenal hingga ke luar negara.

Tetapi sejak perjalanan saya tempoh hari, saya melihat sampah sarap menjijikkan sepanjang perjalanan, hutan yang semakin nipis sehingga menyebabkan banjir kilat dan sungai yang tidak boleh digunakan lagi akibat pencemaran manusia serta industri.

Musim Penciptaan sebenarnya tempoh yang amat baik untuk menghormati alam ciptaan. Hari Doa Sedunia untuk Penciptaan disambut setiap tahun pada September 1 dan dirayakan selama sebulan.

Perayaan ini diinspirasikan dan didorong oleh tradisi kaya Gereja Timur, untuk memperingati penciptaan dunia, ini adalah saat untuk meraikan keputusan Tuhan yang penuh kasih untuk mencipta dan juga saat untuk merenungkan bagaimana kita telah menguruskan kurniaan besar penciptaan.

Menguruskan ciptaan Tuhan ialah asas iman kita. Malah, Kitab Suci bermula dengan misteri besar Penciptaan. Sang Pencipta membentuk kehidupan daripada "kekosongan tanpa bentuk", kekosongan yang besar tanpa cahaya atau kehidupan (Kejadian 1:2).

Keputusan Sang Pencipta untuk menyalakan percikan api di tengah-tengah kegelapan itu ialah kemurahan hati-Nya yang agung, yang di luar pemahaman kita.

Segala sesuatu di sekeliling kita, dari tangan orang tersayang hingga bunga di padang, mengalir dari tindakan penciptaan yang penuh kasih ini. Seperti yang diberitahu oleh Paus Francis, "seluruh alam berbicara atau memberi gambaran tentang kasih Tuhan" (*Laudato si'*, 84).

Kita adalah pemelihara, yang diarah untuk "mengusahakan dan memelihara" taman itu (Kej 2:15). Seperti yang pernah diingatkan oleh mendiang Bapa Suci Benediktus XVI, "Bumi sememangnya hadiah berharga daripada Pencipta yang, dalam merancang susunan intrinsiknya, telah memberi kita panduan yang membimbing kita sebagai pengurus ciptaan-Nya".

Bagi Gereja Katolik, selama lima tahun, para Uskup Malaysia telah menganjurkan kempen perlindungan untuk bumi dan kanak-kanak, dikenali sebagai *PROTEC 1.0*.

Ironinya, masih ramai yang tidak menyedari kempen itu. Walau bagaimana pun, harapan tetap ada kerana ramai paderi yang tekad menjadikan paroki mereka menjadi Gereja *Laudato Si'*!

Kempen *PROTEC 2.0*, yang dilancarkan baru-baru ini di Keuskupan Keningau, mengangkat tema, "Menjana Semula: Harapan untuk flora dan fauna". Sempena Hari Malaysia 2025, mungkin salah satu cara untuk kita memperlihatkan rasa sayang terhadap Malaysia ialah dengan menjaga anugerah suci ciptaan Tuhan.

**MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.**

**Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.**

**Anda boleh menghantar artikel kepada [liza@herald.com.my](mailto:liza@herald.com.my)**

**atau WhatsApp: 011-26391498**



## Jubli Katekis di Keuskupan Agung KK: Katekis 'wajah' Gereja yang hidup

KOTA KINABALU: "Para katekis yang saya hargai dan kasihi sekalian, bagi pihak Keuskupan Agung Kota Kinabalu, saya mengucapkan terima kasih atas dedikasi, pengorbanan dan ketekunan kalian dalam pelayanan kateketikal," kata Uskup Agung John Wong semasa Misa Kudus Jubli bagi para Katekis peringkat Keuskupan Agung Kota Kinabalu pada Ogos 30, di Katedral Hati Kudus, Karamuning.

Dengan tema, Katekis sebagai Penziarah Harapan, seramai 1,700 katekis dari 25 paroki di Keuskupan Agung Kota Kinabalu menghadiri Jubli untuk Katekis di Dewan Paroki Katedral Hati Kudus.

Dalam ucapan alu-aluannya, Uskup Agung John menyatakan, "kita menyambut Jubli Katekis untuk merenung dan memperbaharui panggilan pelayanan kita."

Katanya tema, "Katekis Sebagai Penziarah Harapan mengajak kita melihat para katekis sebagai pengembara rohani yang berjalan bersama umat, membawa terang Kristus



dalam dunia yang haus akan harapan sejati."

Program sehari itu diisi dengan sesi katekis singkat "Katekis sebagai penziarah pengharapan" dalam tiga bahasa.

Sesi bahasa Melayu dikendalikan oleh Fr Erik Jerome, bahasa Inggeris oleh Msgr

Nicholas Stephen dan bahasa Cina dipimpin oleh Fr Moses Yap.

Ini diikuti dengan Perarakan Ziarah dari dewan, menuju ke Katedral Hati Kudus dan katekesis mengenai "Penziarah Harapan" oleh paderi paroki SHC, Fr Paul Lo.

Semasa menyampaikan homili, Uskup Agung John Wong mengatakan, "Seorang katekis ialah penziarah harapan yang tidak berjalan bersendirian."

"Dalam setiap kelas, pertemuan dan pelayanan, mereka menuntun umat kepada Kristus, bukan hanya dengan kata-kata tetapi dengan kesaksian hidup. Mereka menjadi tanda harapan, terutama kepada mereka yang sedang mencari makna dan arah dalam hidup," kata Uskup Agung John.

Ketua Komisi Kateketikal Keuskupan Agung KK, Sr Dariah Ajap FSIC dalam ucapannya mengatakan, "Jubli Katekis adalah saat tepat untuk kita berhenti sejenak, merenung perjalanan pelayanan kita, menempuh jalan yang kadang-kadang sukar tetapi penuh makna.

"Semoga Roh Kudus terus melangkah bersama kita dengan semangat sinodal dan harapan yang tidak pernah padam!" ucap Sr Dariah.

Program Jubli Katekis turut memuatkan dua sesi "Perbualan Dalam Roh" dan diakhiri dengan "Eksprei Sukacita" iaitu persembahan para katekis yang mengungkapkan iman serta kasih mereka terhadap Tuhan dan pelayanan dalam bentuk persembahan nyanyian, muzik, ucapan dan tarian.

## Berdamai dengan ciptaan Tuhan

KENINGAU: "Bagi orang yang dibaptis, keadilan alam sekitar merupakan satu kewajiban yang lahir daripada iman, kerana alam semesta mencerminkan wajah Yesus Kristus, yang mana segala sesuatu dicipta dan ditebus," kata Uskup Cornelius Piong dalam Misa Kudus Pelancaran Musim Ciptaan 2025 dan Kempen PROTEC 2.0 untuk tahun pertama yang bertema: Menjana Semula Harapan bagi Flora dan Fauna.

Misa Kudus tersebut merupakan acara kemuncak mesyuarat tahunan Komisi Episkopal Keadilan Alam Ciptaan Tuhan Keuskupan Keningau pada Ogos 29-31.

Mesyuarat bermula pada Ogos 29, dengan pembentangan laporan daripada 11 keuskupan/agung. Laporan meliputi Pencapaian Protokol Ekologi daripada setiap keuskupan/agung setelah bergelar *Ecological Diocese*, yang dibahagikan kepada :

- Transformasi kepimpinan dalam Pentadbiran Ekologi
- Integrasi Ekologi ke dalam Pendidikan dan Kerohanian
- Membina Daya Tahan Ekologi
- Usaha Pelaksanaan Praktik Ekologi
- Ekologi Akauntabiliti

Pada hari kedua, Uskup Joseph Hii menyampaikan sesi "Pandangan Spiritualiti mengenai Kempen Menjana Semula" disusuli penerangan daripada Sdri Clare Westwood selaku Pengarah Serantau Komisi Keadilan Ciptaan Tuhan, Singapura dan Brunei, tentang "Rekomendasi cara-cara pelaksanaan Kempen Menjana Semula."

Para delegasi juga berbincang mengenai cabaran pelaksanaan aktiviti-aktiviti Komisi Keadilan Alam Ciptaan Tuhan di peringkat keuskupan/agung dan cadangan-cadangan mengatasinya.

Kemuncak pertemuan Komisi Episkopal Keadilan Alam Ciptaan Tuhan adalah Misa Kudus Pelancaran Kempen Menjana Semula (PROTEC 2.0) dan Musim Ciptaan Tuhan 2025 bagi peringkat Malaysia, Singapura dan Brunei.

Kempen PROTEC 1.0 yang bermula pada



Ogos 2020 telah berakhir pada Ogos, 2025 dan kempen melindungi bumi ini diteruskan dengan kempen PROTEC 2.0.

Misa Kudus yang diadakan di Gereja *Laudato Si'* dipimpin oleh Ketua Keuskupan Keningau, Uskup Cornelius Piong.

Dalam homilinya, Uskup Cornelius menyimpulkan tema tahun pertama PROTEC 2.0 sebagai "Berdamai dengan alam ciptaan Tuhan."

"Bagaimana berdamai dengan alam ciptaan Tuhan? Untuk berdamai dengan alam ciptaan Tuhan kita perlu ada kerendahan hati dan memiliki sikap taubat. Jika kita terus sombong dan tidak menyedari tanggungjawab terhadap alam sekitar, kita tidak akan dapat menjaga bumi untuk masa depan anak-anak kita."

"Kerosakan dan kemusnahan alam berpunca daripada sikap sombong dan tidak menghormati dalam kalangan manusia."

"Sebelum terlambat," kata Uskup Cornelius Piong, "ubahlah sikap kita, rendahkan hati dan hormatilah alam ciptaan

Tuhan. Tuhan telah mengamanahkan kita tugas sebagai penjaga bumi seperti yang dinyatakan dalam Kitab Kejadian."

"Jalankan peranan kita sebagai penjaga bumi kerana tidak ada tempat lain, hanya planet ini adalah rumah kita bersama, masa depan untuk generasi masa akan datang!"

Presiden ECCJ-MSB, Uskup Joseph Hii dari Sibru menjelaskan bahawa semasa kempen PROTEC 1.0, ia hanya melibatkan negara Malaysia, namun kini, kempen PROTEC 2.0 Keuskupan Agung Singapura dan Vikariat Brunei turut menyertai PROTEC 2.0.

Prelatus itu mengimbas semula kempen PROTEC 1.0 selama lima tahun yang banyak menekankan usaha pengurangan misalnya mengurangi makan daging, mengurangi penggunaan elektrik, mengurangi penggunaan plastik. "Dalam PROTEC 2.0 pula, ECCJ-MSB akan menekankan usaha konkrit dan tanggungjawab Katolik sebagai penjaga bumi," kata Uskup Joseph.

Uskup Joseph Hii berdoa agar semua Gereja di Malaysia, Singapura dan Brunei

akan benar-benar menjadi Gereja *Laudato Si'*, iaitu Gereja yang menghormati dan berdamai dengan alam sekitar.

Pemangku Presiden Komisi Episkopal Keadilan Alam Ciptaan Tuhan Keuskupan Keningau, Sdri Nancy Liew mengatakan sebagai tanda komitmen dan menyahut panggilan PROTEC 2.0 di Keuskupan Keningau, setiap paroki dan mision berusaha menanam pokok, sekurang-kurangnya 10 pokok di setiap paroki.

Di Katedral St Francis Xavier pula akan menanam 10 pokok di setiap zon. Menurut Nancy, "tindakan ini bukan sekadar pokok tetapi menanam iman, harapan dan kasih untuk menjaga kehidupan untuk masa depan anak-anak kita."

Pelancaran diteruskan dengan mengunting riben sepanjang Kempen PROTEC 2.0 dan Musim Ciptaan 2025 oleh Uskup Cornelius dan Uskup Joseph.

Ini diteruskan dengan pemberkatan pokok yang dibawa oleh perwakilan setiap paroki dan mision di Keuskupan Keningau.